

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

**HLM 312 Kajian Wayang Kulit**

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab **TIGA (3)** soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Berikan definisi ringkas mengenai wayang kulit. Apakah ciri-ciri utama yang lazimnya terdapat pada sesuatu persembahan wayang kulit? Anda diminta berikan contoh-contoh stail wayang kulit yang sesuai.
2. Walaupun wayang kulit biasanya dipentaskan sebagai suatu jenis teater untuk tujuan hiburan, terdapat juga ciri-ciri ritual serta spiritual di dalamnya. Pilih salah satu daripada bentuk-bentuk wayang kulit utama di Asia Tenggara dan terangkan (a) apakah ciri-ciri ritual yang terdapat pada bentuk tersebut, dan (b) bagaimanakah ianya dipentaskan dalam konteks ritual?
3. Bincangkan dengan detail salah satu (1) daripada cerita-cerita berikut:
  - [a] Mahabharata
  - [b] PanjiTerangkan bagaimana cerita pilihan anda itu digunakan dalam wayang kulit di Asia Tenggara.
4. Bincangkan dengan ringkas bentuk-bentuk wayang kulit yang aktif di India. Apakah persamaan-persamaan umum yang terdapat antara wayang kulit India dan wayang kulit Asia tenggara?

.../2

5. Tuliskan dengan ringkas mengenai dua (2) daripada tajuk-tajuk berikut:

- [a] Nang Yai
- [b] Episod Dalang Muda
- [c] Dewaruci
- [d] Alat-alat muzik dan cara penyampaian lagu-lagu di dalam Wayang Kulit Siam.

-oooooooo-